

Penyelesaian konflik Asia Barat perlu pembabitkan badan dunia

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, konflik Asia Barat hanya boleh diselesaikan melalui kerjasama, inisiatif serta pembabitkan badan-badan dunia dalam menentukan keamanan di negara-negara tersebut.

Perdana Menteri berkata, pergolakan di Palestin, Iraq dan Lebanon merupakan isu yang berat dan memerlukan penglibatan khususnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Liga Arab.

Menurut beliau yang juga Pengerusi OIC, sekiranya satu inisiatif baru dapat dicari dan mendapat sokongan daripada badan-badan dunia tersebut, keganasan di tiga negara itu boleh dihentikan.

"Inilah tujuan utama perundingan yang membawa kepada kedatangan Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf ke negara ini.

"Saya mendengar pandangannya dan kami telah meneliti situasi yang berlaku di negara-negara tersebut.

"Melalui perbincangan ini, beberapa inisiatif telah difikirkan sebagai langkah bagi menyelesaikan pergolakan di negara-negara terbabit," katanya pada sidang akhbar selepas pertemuannya dengan Musharraf di sini, hari ini.

Musharraf berada di Malaysia dalam rangka lawatan kerja dua hari.

Sepanjang berada di negara ini, Musharraf telah menemui Abdullah bagi mengadakan perbincangan mengenai isu-isu antarabangsa termasuk usaha mencari penyelesaian kepada konflik di Asia Barat.

Semalam, Musharraf berjumpa Abdullah di Putrajaya dan pada malamnya, satu jamuan makan diadakan untuk meraikannya.

Mengenai hubungan dengan Pakistan, Abdullah berkata, selama ini kedua-dua negara itu selalu bersependapat sama ada

Um - 2/2/2007
dalam isu antarabangsa, serantau atau hubungan dua hala.

"Malah semasa saya menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos baru-baru ini, saya berkesempatan berjumpa dengan Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz.

"Selain perbincangan dalam memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara, kami turut membincangkan mengenai situasi di Asia Barat," ujarnya.

Sementara itu, menurut Musharraf, kedatangannya ke Malaysia selepas berjumpa dengan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono kelmarin adalah bagi mencari inisiatif baru penyelesaian konflik Asia Barat sekali gus membawa keharmonian kepada dunia Islam.

Beliau berharap dengan adanya rundingan-rundingan tersebut, satu langkah terbaik boleh dicari untuk menghentikan pergolakan.

"Walaupun saya tidak menjamin cara ini

adalah yang terbaik bagi menyelesaikan isu tersebut namun usaha harus dilakukan," jelasnya.

Dalam pada itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika ditemui berkata, kedatangan Musharraf adalah dalam rangka lawatannya ke beberapa buah negara yang mempunyai majoriti penduduk Islam.

"Lawatan itu bagi mendapatkan pelbagai idea dan pandangan bagi menyelesaikan pergolakan di Asia Barat," kata beliau.

Ditanya kemungkinan lawatan Musharraf ke negara-negara tersebut boleh menjejaskan peranan Abdullah sebagai Pengerusi OIC, Syed Hamid berkata, perkara itu tidak menjejaskan sesiapa.

"Rundingan yang dilakukan oleh Musharraf adalah langkah yang terbaik bagi mendapatkan pandangan negara-negara Islam bagi didengarkan kepada rakan-rakan di Asia Barat," katanya.